

Orang Melayu mesti teguh tiga bidang

UM 25 MAY 2005

Oleh JAMDI NASIR

TRONOH 24 Mei — Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, hasrat membentuk satu bangsa yang dikenali 'bangsa Malaysia' hanya akan dapat dicapai sekiranya orang Melayu berjaya dan mempunyai kekuatan dalam pelbagai bidang termasuk penguasaan ekonomi, politik dan sosial.

Menurut bekas Perdana Menteri, tanggungjawab merealisasikan pembentukan bangsa Malaysia kini terletak di bahu orang Melayu sendiri kerana kejayaan kaum majoriti itu akan menjadi tonggak utama kepada kewujudan bangsa Malaysia.

Beliau berkata, pada masa ini, tidak ada bangsa Malaysia di negara ini kecuali apa yang dipanggil 'orang Malaysia' yang terdiri daripada pelbagai keturunan seperti Melayu, Cina, India serta suku-suku kaum yang lain.

"Hari ini kita cuma ada satu gabungan bangsa-bangsa yang mengiktiraf diri mereka sebagai orang Ma-

aysia dan belum lagi sampai ke tahap bangsa. Mereka datang dari Malaysia dan duduk di Malaysia. Kita belum lagi boleh mewujudkan satu bangsa Malaysia dengan penyatuan kebangsaan tersendiri secara sepenuhnya," katanya semasa menyampaikan Syarahan Perdana bertajuk Pembentukan Bangsa dan Negara di Universiti Teknologi Petronas, di sini, hari ini.

Dr. Mahathir yang juga merupakan Canselor universiti itu menarik perhatian mengenai kejayaan Amerika Syarikat (AS) mewujudkan bangsa Amerika sedangkan di negara tersebut mempunyai pelbagai kaum termasuk kaum minoriti yang terdiri daripada golongan pendatang.

Menurutnya, keadaan itu boleh wujudkan kerana kaum yang berhijrah dan menetap di AS menerima konsep, budaya dan bahasa negara berkenaan.

"Oleh kerana bangsa WASP (*White Anglo-saxon People*) ini begitu berjaya, maka mudah orang lain menerima budaya Inggeris sebagai budaya

mereka tetapi di Malaysia keadaan berbeza kerana kita dapati orang Melayu agak kurang berjaya berbanding orang Cina dan orang India.

"Kalau orang Melayu bangsa yang cukup berjaya dalam semua bidang, saya fikir tidak menjadi masalah orang Cina dan India menerima konsep bangsa Malaysia, sebab itu bonus tanggungjawab membentuk bangsa Malaysia berada di bahu orang Melayu," ujarnya.

Katanya, usaha membentuk bangsa Malaysia adalah merupakan satu proses yang sukar dicapai kerana meskipun bahasa Melayu menjadi kebangsaan, tetapi kaum-kaum lain tetap menggunakan bahasa ibunda masing-masing semasa di rumah.

Beliau berkata, tidak seperti di AS, pembentukan sebuah bangsa Amerika menjadi mudah kerana bahasa Inggeris diterima oleh semua kaum walaupun ada perbezaan warna kulit, agama dan budaya.

Biarpun begitu katanya, ketaatan dan kesetiaan kaum-kaum lain di negara ini tidak boleh dipertikaikan

termasuk penerimaan baik mereka terhadap bahasa Melayu sebagai penghubung antara satu sama lain.

Katanya, tidak mungkin bangsa Cina dan India menghormati dan sanggup dikenali sebagai bangsa Malaysia dalam keadaan bangsa Me-

layu sendiri merupakan kaum yang tidak berjaya.

Katanya, orang Melayu juga perlu muncul sebagai kaum yang disegani kerana mempunyai nilai-nilai murni tanpa penglibatan dalam rasuah, masalah sosial dan sebagainya.

Beliau berkata, dalam keadaan sekarang, kerajaan terpaksa memberi bantuan dan perlindungan kepada orang Melayu bagi memastikan pencapaian dan kejayaan mereka dalam pelbagai bidang agar setanding dengan kaum lain di negara ini.